

# 'Nadwah Kontemporari' dedah kesatupaduan empat mazhab



HADIR selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof (kiri).



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.



AHLI-ahli panel 'Nadwah Kontemporari' terdiri daripada Penasihat Akademik, UNISSA, Profesor Dato Dr. Sayyed Muhammad Aqiel bin Ali Al-Mahdaly; Penolong Profesor, Nanyang Technological University (NTU), Singapura, Dr. Mohamed bin Ali dan Pengarah Pusat Bahasa, KUPU SB, Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 15 April. - Penyebaran suatu perkara yang jelas bercanggah dengan kesucian Islam perlu ditangani oleh ilmuwan Islam kerana ia dilihat sebagai satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.

Justeru itu, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Mazhab Shafii (PPMS) dengan kerjasama Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah (PPKASWJ), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah menganjurkan Forum Nadwah Kontemporari membawa tajuk 'Ekstremisme Mengancam Perpaduan Ummah'.

Tajuk ini adalah bertepatan dengan pergolakan mutakhir umat Islam secara global yang berdepan dengan pelbagai cabaran ditambah pula dengan kecanggihan media massa atau media sosial yang menjadikan suatu isu akan tersebar dalam sekilip mata tanpa boleh

disekat.

Bertitik tolak daripada senario semasa, 'Nadwah Kontemporari' ini akan menjadi platform dalam memberikan kefahaman yang betul berpaksikan pada lontaran idea dan pandangan bukan sahaja dari sudut pandangan Mazhab Shafii malahan pandangan tiga mazhab lainnya sebagai kesatupaduan dalam memperkembang agama Islam dan mengikut satu aliran, iaitu Ahli Sunnah Waljamaah.

Dengan cara ini, diharap segala kedangkan, ketidakfahaman dan kekeliruan umat Islam terhadap suatu isu dapat ditangani dengan sebaiknya dan seterusnya dibasmi secara bijaksana.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Ahli panel 'Nadwah Kontemporari' terdiri daripada Penasihat Akademik, UNISSA, Profesor Dato Dr. Sayyed Muhammad Aqiel bin Ali Al-Mahdaly; Penolong

Profesor, Nanyang Technological University (NTU), Singapura, Dr. Mohamed bin Ali dan Pengarah Pusat Bahasa, KUPU SB, Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili.

Antara objektif nadwah adalah untuk mencambah fikiran secara ilmiah berdasarkan bukti dan dalil terhadap suatu isu yang melanda umat Islam dan memberikan pendedahan pendapat fuqaha keempat-empat mazhab kepada orang ramai tentang isu berkaitan.

Nadwah ini juga diharap dapat memelihara kewujudan dan memastikan Islam berlandaskan pandangan Mazhab Shafii sebagai pegangan mazhab di Negara Brunei Darussalam dan aliran mazhab lainnya sebagai mazhab Ahli Sunnah Waljamaah yang akan terus utuh.

Majlis ilmu seperti ini bersesuaian dengan fungsi PPMS dan PPKASWJ khasnya dan Institusi Pengajian Islam amnya dalam memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada masyarakat tentang pemikiran, ajaran dan hukum-hakam berkaitan agama Islam.

## UNISSA, UKM adakan Sambutan Hari Bahasa Arab

Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 15 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Fakulti Bahasa Arab dan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, dengan kerjasama Pelajar Mobiliti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengadakan Majlis Sambutan Hari Bahasa Arab dan Tamadun Islam "Memperkasa Bahasa Arab, Menelusuri Tamadun Islam" dengan bahasa pengantar Bahasa Arab.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad pada majlis yang berlangsung di Dewan Auditorium.

Juga hadir, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan pentadbiran serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA; para pelajar dari sekolah-sekolah yang menjadikan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran.

MAHASISWI Tahun 4, Fakulti Bahasa Arab, Dayang Hajah Nur Hayati binti Haji Abas semasa pembentangan ilmiah.

Majlis berkenaan dipengerusikan oleh Dekan Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Dr. Dayang Siti Sara binti Haji Ahmad dan Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA, Profesor Dr. Awang Haji Mahayuddin bin Haji Yahya.

Antara objektif Sambutan Hari Bahasa Arab dan Tamadun Islam itu adalah untuk membina keyakinan diri melalui penglibatan pelajar dan pada masa yang sama memperkasakan bahasa Arab dan penghayatan tamadun Islam dalam kalangan pelajar kedua-dua buah universiti ini, di samping mengeratkan lagi hubungan baik serta jalinan kerjasama di antara Fakulti Pengajian Islam, UKM, dengan Fakulti Bahasa Arab dan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA.

Aktiviti yang diadakan ialah pembentangan ilmiah yang disampaikan oleh wakil dari UNISSA dan UKM, persembahan syair Arab, pementasan teater bahasa Arab, permainan berbentuk bahasa Arab dan tamadun Islam, tayangan video, persembahan tausyeh / qasidah dan jualan makanan ringan.



PEMANGKU Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad (kanan) semasa menyaksikan pameran Tamadun Islam.